

TAHAP CIRI KEUSAHAWANAN DAN TEKAD KEUSAHAWANAN DALAM KALANGAN PELAJAR BIDAYUH, SARAWAK

THE LEVEL OF ENTREPRENEURSHIP AND ENTREPRENEURSHIP CAREER CHOICES AMONG BIDAYUH STUDENTS IN PADAWAN DISTRICT, SARAWAK

Mohd Faiz Yusoff¹
Norasmah Othman²

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (Email:lin@ukm.edu.my)

Accepted date: 20-04-2019

Published date: 01-07-2019

To cite this document: Yusoff, M. F., & Othman, N. (2019). Tahap Ciri Keusahawanan Dan Tekad Keusahawanan Dalam Kalangan Pelajar Bidayuh, Sarawak. *International Journal of Modern Trends in Business Research (IJMTBR)*, 2(8), 68-78.

Abstrak: Bidang usahawanan menjadi satu keutamaan Kementerian Pelajaran Malaysia. Ini adalah kerana keadaan semasa yang ingin membudayakan keusahawanan dalam kalangan pelajar dan seterusnya memupuk minat mereka untuk memilih keusahawanan sebagai kerjaya pilihan, khasnya bagi pelajar Bidayuh. Laporan statistik menunjukkan peratus penglibatan masyarakat Bidayuh Sarawak dalam bidang keusahawanan amatlah rendah. Adakah ini bermakna masyarakat Bidayuh tidak memiliki ciri dan tekad keusahawanan? Oleh itu, satu kajian telah dilaksanakan bagi tujuan mengenal pasti ciri keusahawanan dan tekad keusahawanan pelajar Bidayuh. Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen dan melibatkan seramai 100 pelajar Bidayuh sebagai sampel. Dapatan kajian selepas dianalisis menunjukkan bahawa tahap ciri keusahawanan dan tekad keusahawanan pelajar bidayuh adalah berada pada tahap sederhana tinggi. Ini bermakna pelajar Bidayuh masih lemah tentang ciri keusahawanan dan tekad keusahawanan. Implikasi daripada dapatan ini adalah pihak KPM dan JPN harus ambil maklum dan menyediakan latihan dan kursus kepada pelajar Bidayuh bagi meningkatkan minat dan potensi pelajar dalam bidang keusahawanan.

Kata kunci: ciri keusahawanan, tekad keusahawanan, pelajar Bidayuh

Abstract: Entrepreneurial Sector becomes a priority to the Ministry of Education. This is because the current situation that wants to cultivate entrepreneurship among the students and nurture them to choose entrepreneurship as a career option, especially for Bidayuh student. Statistics report shows the percentage of Sarawak Bidayuh community involvement in entrepreneurship is very low. Does this mean that the Bidayuh community does not have the characteristics of entrepreneurship and the determination? Therefore, a study was conducted for the purpose of identifying the characteristics of entrepreneurship and entrepreneurial

determination of Bidayuh students. This study used a questionnaire as an instrument, and involved 100 Bidayuh students as a sample. The findings after analysis showed that the level of entrepreneurship and entrepreneurial determination Bidayuh students are at a high moderate level. This means students are still weak Bidayuh about entrepreneurship and entrepreneurial determination. The implication of this finding is the MOE and the NRD should take note and provide training and courses for students Bidayuh to increase student interest and potential in the field of entrepreneurship

Keyword: *Entrepreneurial Characteristics, Entrepreneurial Determination, Bidayuh Students*

Pengenalan

Keadaan ekonomi negara pada masa kini sangat mencabar dan memerlukan pekerja komited dan mempunyai pelbagai kemahiran tambahan. Jika para graduan atau lepasan sekolah tidak memiliki nilai tambah dalam diri masing-masing, akan wujud masalah mendapatkan pekerjaan dan mengakibatkan graduan menganggur (Ab Aziz, 2009). Oleh yang demikian, pelajar harus memiliki kemahiran seperti ciri keusahawanan agar mampu meningkatkan potensi diri (Mohd Izham et al,2010). Ciri keusahawanan yang dimiliki oleh pelajar merangkumi pelbagai aspek yang diinginkan oleh industri seperti proaktif, berdaya saing, kreatif, berinovatif, serta mengamalkan sikap pembelajaran sepanjang hayat (Allen, 2012).

Pelajar juga harus memiliki beberapa ciri keusahawanan yang lain seperti berani mengambil risiko dan merebut peluang dalam perniagaan (Parker,2009). Keadaan pelajar yang bersedia mengeksploitasi peluang dan berani melabur modal akan dapat mencipta peluang-peluang perniagaan kepada orang ramai (Nor Aishah,2013). Contohnya, pelajar boleh menceburi bidang dalam industri kecil sederhana dan dapat mencipta peluang perniagaan serta peluang kepada orang ramai(Mohd Fauzi et al,2010).

Jadual 1 menunjukkan agihan atau taburan pekerjaan dan nisbah sektor mengikut kumpulan etnik di Sarawak berdasarkan kepada banci tahun 2000. Dalam analisis ini, nisbah selectivity (selectivity ratio) digunakan untuk mengukur paras kesetaraan sesuatu kaum berdasarkan kepada pencapaian kaum itu dengan sesuatu 'trade' atau pekerjaan iaitu dengan mengambil kira peratusan atau nisbah penduduk berkenaan dengan populasi umum negeri ini.

Jadual 1: Pengagihan Pekerjaan dan Nisbah Pemilihan (Selectivity Ratios) mengikut etnik di Sarawak, 2000.

Category of Pekerjaan & Selectivity Ratio	Biday	Iban	Melayu	Melanau	Bumi.Lain	Cina	Jumlah
Penggubal Undang-undang, pegawai kanan dan Pengurus Selectivity Ratio	89 0.77	435 1.06	394 1.25	70 .92	102 1.23	320 .88	1,410
Pengarah dan Pengurus Khas Selectivity Ratio	293 .37	667 .27	1,564 .79	232 .55	251 .53	5,868 2.55	8,875
Pengurus Besar Selectivity Ratio	460 .28	1,519 ..26	3,000 ..06	394 .36	485 .42	14,503 2.74	20,361
Sains Fisikal, Matematik & Kejuruteraan Selectivity Ratio	330 .69	820 .47	1,434 1.07	207 .69	214 .65	2,978 1.92	5,983

Sains Hayat & Profesional Kesihatan Selectivity Ratio	87 .70	187 .42	426 1.25	66 .80	50 .58	701 1.78	1,517
Profesion Perguruan Professions Selectivity Ratio	1,102 1.06	1,837 .49	5,001 1.74	538 .77	405 .55	3,989 1.20	12,872
Profesional Perniagaan, Akauntan & Juru audit Selectivity Ratio	195 .59	298 .25	854 .93	158 .70	107 .46	2,601 2.44	4,213
Profesion Perundangan Selectivity Ratio	38 .72	65 .34	168 1.15	19 .53	31 .83	334 1.97	655
Saina Hayat, Gabungan kejuruteraan Selectivity Ratio	1,121 1.2	1,868 .57	3,309 1.34	586 .95	413 .64	4,017 1.37	11,314
Guru (Sekolah) Selectivity Ratio	1,897 1.14	3,672 .61	7,181 1.56	1,461 1.30	862 .73	558 .99	15,631
Penyelia Selectivity Ratio	850 .74	3,093 .74	2,891 .90	709 .91	643 .79	6,175 1.66	14,361
Perkhidmatan Pengawalan, Jurujual & pengajar (Demonstrators) Selectivity Ratio	6,498 .93	16,682 .67	24,038 1.08	3,683 .78	3,580 .74	31,625 1.42	86,106
Pertanian & aktiviti berkaitan Selectivity Ratio	20,675 1.39	108,503 2.02	17,329 .42	7,438 .74	17,054 3.49	15,452 .69	186,451
Pekerjaan Asas Selectivity Ratio	1,907 .79	5,671 .65	8,759 1.31	1,457 .89	986 .58	11,402 1.46	30,182
Buruh Kasar Selectivity Ratio	5,035 1.20	7,706 .41	14,123 1.22	2,778 .96	1,737 .59	11,871 .88	52,101

Sumber: Ciri-ciri Penduduk, banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 2000. Selectivity Ratio adalah dikira oleh Prof. Madya Yap Yin dan Nicholas Amin.

Nilai nisbah ini yang kurang dari 1.0 menunjukkan 'under representation' manakala nilai melebihi 1.0 menggambarkan wujudnya 'over representation' bagi masyarakat berkenaan berbanding dengan saiz penduduk itu dengan jumlah penduduk keseluruhan. Dari Jadual 1, kaum Bidayuh adalah kurang diwakili dalam hampir kesemua jenis pekerjaan dalam kategori professional dan pengurusan dan teknikal tetapi lebih ramai mereka terlibat dalam sektor pertanian dan sebagai buruh kasar. Kaum Bidayuh mencapai nisbah yang baik di profesion perguruan (1.06), guru sekolah (1.14) dan sains hayat dan kejuruteraan (1.2). Ini menggambarkan bahawa kaum Bidayuh masih ketinggalan dalam aktiviti sektor moden seperti, perniagaan dan sektor koperat.

Hal ini boleh dikaitkan dengan tekad keusahawanan yang dikatakan sebagai indikator yang baik dalam menerangkan minat, perasaan, kemahiran dan keyakinan seseorang membuat pilihan terhadap kerjaya keusahawanan (Bird 1988; DiazCasero et al, 2012; Hisrich et al, 2010; Kuratko 2014). Walau bagaimanapun, kajian lepas sarjana tempatan dan luar negara lebih memberi fokus kepada fungsi keusahawanan dan tidak melibatkan sesuatu kaum dari aspek objektif kajian yang dijalankan. Oleh itu kajian terhadap kaum Bidayuh bagi melahirkan lebih ramai pelajar yang kreatif, inovatif dan berdaya saing agar dapat mencipta peluang pekerjaan adalah diperlukan.

Proses membangunkan seseorang pelajar khususnya pelajar dalam kalangan etnik Bidayuh dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti faktor kreativiti, berinovasi, mengambil peluang dan

sanggup menanggung risiko (Nor Aishah, 2006). Oleh yang demikian kajian ini dihasilkan untuk mengenal pasti ciri keusahawanan dan tekad keusahawanan dalam kalangan pelajar Bidayuh. Objektif kajian seperti di bawah telah dibina;

1. Mengkaji tahap ciri keusahawanan dalam kalangan pelajar Bidayuh
2. Mengkaji tahap tekad keusahawanan dalam kalangan pelajar Bidayuh
3. Mengenal pasti perbezaan signifikan antara ciri-ciri keusahawanan pelajar Bidayuh berdasarkan profil demografi (Jantina)

Kajian Literatur

Etnik Bidayuh dan Ciri Keusahawanan

Malaysia merupakan sebuah negara majmuk yang rakyatnya terdiri daripada pelbagai kaum dan cara hidup yang berlainan. Selepas berlakunya peristiwa berdarah pada 13 Mei 1969, perancangan ekonomi dan polisi negara adalah berlandaskan kepada perpaduan kaum agar dapat membina sebuah negara yang harmonis, adil dan saksama dalam sumber ekonomi (Unit Perancang Ekonomi 2013). Budaya sentiasa menjadi sebahagian daripada isu penting dalam pembangunan masyarakat tradisional pelbagai etnik (Wilson & Ann, 2011; Lavers, 2008; Hayrol et al, 2010).

Etnik Bidayuh adalah antara masyarakat pribumi awal yang mendiami Sarawak. Kaum Bidayuh adalah masyarakat yang mendiami kawasan barat daya Sarawak, terutamanya Bahagian Serian, Kuching dan barat Kalimantan (Liana Chua,2012). Walau pun masyarakat Bidayuh merupakan masyarakat ke empat terbesar di negeri Sarawak, tetapi dari segi penyelidikan mengenai masyarakat tersebut masih lagi amat rendah (Ahi Sarok, 2002). Lokasi tempat yang ramai didiami oleh etnik Bidayuh adalah di daerah Padawan. Anggaran bilangan etnik Bidayuh di sana adalah seramai 167,756 orang atau 8.4 peratus daripada populasi Sarawak (Khadijah, et al, 2014).

Latihan dan kemahiran yang diajar di sekolah mampu melahirkan etnik Bidayuh yang berkemahiran. Dengan kemahiran ini, sosio ekonomi masyarakat etnik Bidayuh diyakini dapat ditingkatkan. Terkini, kedudukan sosio ekonomi etnik Bidayuh masih jauh tertinggal jika dibandingkan dengan etnik lain (Henrietta, 2015). Keadaan ini dapat diubah melalui pendidikan keusahawanan yang sudah terbukti berjaya melahirkan individu yang mandiri (Norasmah et al, 2017). Malah menurut Mohd Salleh et al (2005), minda kelas pertama etnik Bidayuh juga akan berjaya diterapkan dengan penerapan pendidikan keusahawanan kepada mereka.

Rentetan itu pelajar Bidayuh harus didedahkan dengan pendidikan keusahawanan agar ciri kreativiti, inovasi serta keupayaan merebut peluang dapat dimiliki. Dengan ciri-ciri ini, pelajar Bidayuh akan dapat bersaing dengan etnik lain. Namun impian ini tidak akan tercapai sekiranya tiada kerjasama dari pelbagai pihak, antaranya dari pihak sekolah atau institusi pendidikan atau sektor swasta (Malaysia, 2015). Oleh itu, melahirkan usahawan yang berjaya memerlukan pelajar memiliki gabungan pelbagai faktor seperti pelajar harus berinovatif, proaktif dan berupaya menghadapi risiko (McDougall dan Oviatt, 2000). Menurut Timmons (2003) seseorang yang bergelar usahawan haruslah mempunyai pemikiran yang kreatif dan inovatif. Menurutnya lagi, kreatif dan inovatif ini akan membimbing seseorang usahawan untuk menjadi lebih berdaya saing. Kreativiti juga dianggap sebagai aktiviti yang menjana kepada buah pemikiran yang meningkatkan keberkesanan atau kecekapan sedia ada (Kuratko

& Hodgetts, 2001). Manakala inovasi pula merujuk kepada kebolehan untuk mengaplikasi kreativiti yang dicipta untuk meningkatkan kualiti sedia ada (Zimmerer et al, 2008).

Ciri keusahawanan yang berjaya ialah mempunyai tekad yang bulat untuk mencurahkan semua perhatiannya pada usaha, mempunyai rasa tanggungjawab baik dalam mengawal sumber-sumber yang dan selalu bermotivasi tinggi untuk mencari peluang serta tahan terhadap risiko dan ketidaktentuan (Zimmerer dan Scarborough, 2005). Ciri keusahawanan juga boleh dikelaskan kepada empat kategori, iaitu inginkan kecemerlangan, kesungguhan berniaga, mempunyai kawalan dalam diri yang kuat dan inovatif. (Norasmah, 2002).

Dalam bidang perniagaan, semakin besar sesuatu risiko semakin besar pula ganjarannya, sebaliknya semakin kecil risiko semakin kecil ganjaran yang akan perolehi. Risiko juga merupakan cabaran kepada individu untuk menjadi usahawan kerana (Thompson 2012). Seseorang yang memiliki sifat seorang usahawan tidak memandang risiko sebagai penghalang. Walau pun sifat usahawan adalah berani menanggung risiko, namun perlu dibuat pertimbangan yang teliti dalam menghadapi risiko tersebut. Kajian yang lepas telah mencetuskan kajian ini untuk mengenal pasti ciri keusahawanan yang di miliki oleh pelajar Bidayuh mendorong mereka menceburi bidang keusahawanan.

Tekad keusahawanan

Tekad merupakan inti pati dalam kelakuan yang terancang. Ia adalah instrumen yang paling berkesan dalam menjangkakan kelakuan manusia (Anscombe 1976; Krueger 2000). Pelbagai kajian membuktikan bahawa kerjaya keusahawanan merupakan tingkah laku yang terancang dan kelakuan keusahawanan adalah didorong oleh tekad (Bird 1988; Katz & Gartner 1988). Seseorang yang memiliki tekad keusahawanan kemungkinan besar akan menubuhkan syarikatnya dengan tujuan memperoleh keuntungan (Fini et al. 2009). Linan (2004) menyarankan model tekad keusahawanan berfungsi sebagai asas yang kukuh dalam memberi penjelasan terhadap proses keusahawanan.

Proses keusahawanan menjadi tidak lengkap sekiranya tidak memasukkan elemen kesedaran peluang (Zhang et al. 2011; Zuo et al. 2014). Sebelum bermula kelakuan keusahawanan, semestinya wujud kesedaran peluang dan diikuti dengan kemunculan tekad keusahawanan yang mendorong seseorang merealisasikan peluang (Krueger 2003; Williams & Williams 2011; AGER 2015). Kesedaran terhadap peluang dalam pasaran adalah faktor utama yang mendorong seseorang menceburi bidang perniagaan (Reitan 1997; Shane 2003; Williams & Williams 2011; Tian 2014). Oleh itu tekad keusahawanan akan muncul apabila seseorang individu berani mengembangkan usaha dan idea-idea baharunya (Heflin 2004).

Kajian lepas menunjukkan menunjukkan tekad keusahawanan dalam kalangan pelajar mempunyai impak yang penting dalam mempengaruhi keputusan seseorang itu untuk menjadi usahawan. Kajian yang dijalankan terhadap pelajar jurusan pertanian di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK), yang terdiri daripada pelajar tingkatan 4 dalam zon tengah Semenanjung Malaysia, seramai 589 pelajar. Hasil dapatan menunjukkan pelajar berminat dalam menceburi bidang pertanian, namun untuk menjadi usahawan tani adalah sedikit tidak seperti diharapkan (Mohd Zailani et al, 2013).

Usaha untuk menerapkan tekad keusahawanan dalam diri pelajar kini tidak boleh bergantung kepada silibus sahaja. Guru perlu memainkan peranan penting dalam mendorong semangat keusahawanan di mana mereka perlu bijak mengatur dan menyusun strategi dalam proses

pengajaran dan pembelajaran sesuatu mata pelajaran disamping memupuk kesedaran kepada pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan dan mengekalkan minat pelajar terhadap keusahawanan (Vasanthadewi, 2016).

Metodologi

Pengkaji menggunakan pendekatan kuantitatif dalam bentuk tinjauan untuk mengumpul data. Soal selidik digunakan sebagai instrumen kerana diyakini berupaya memperoleh pelbagai informasi berguna seperti informasi berkaitan persepsi, kepercayaan, sikap, pengaruh sosial, tahap efikasi dan tingkah laku (Chua, 2006).

Menurut Sekaran dan Bougie (2013) keseluruhan populasi yang dikaji dapat memberikan kenyataan dan gambaran umum kepada pengkaji maka ciri atau sifat populasi bagi sampel harus memenuhi maklumat yang diinginkan oleh pengkaji. SMK Penrissen mempunyai pelajar seramai 2562 orang dan beberapa etnik yang terdapat di sekolah berikut seperti Bidayah, Iban, Melayu, Cina dan lain lain yang menggambarkan masyarakat di daerah Padawan. Bilangan sampel yang dilibatkan dalam kajian ini pula adalah seramai 100 pelajar etnik Bidayah. Saiz sampel ini diperoleh berdasarkan kepada Jadual Krejcie dan Morgan (1970) dengan jumlah populasi seramai 928 orang pelajar Bidayah di SMK Penrissen.

Seterusnya, data yang dikutip dalam bentuk skala Likert dianalisis dengan pelbagai kaedah statistik bagi mendapatkan hasil kajian yang tepat dan menyeluruh demi mencapai objektif. Soal selidik kajian mengandungi tiga bahagian iaitu Bahagian A mengenai maklumat demografi, Bahagian B adalah ciri-ciri keusahawanan dan Bahagian C adalah tekad keusahawanan. Instrumen soal selidik yang dibina telah diadaptasi daripada kajian Salmah (2009). Sebelum soal selidik ditadbir, instrumen telah diuji kesahan dan kebolehpercayaan dan hasil ujian menunjukkan kesahan instrumen dengan menggunakan nilai korelasi item dengan jumlah skor adalah melebihi 0.30 nilai min. sementara ujian Cronbach Alpha digunakan untuk menguji kebolehpercayaan instrumen dimana nilainya adalah melebihi 0.65. Kedua-dua nilai ini menepati syarat minimum untuk menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian.

Bagi tujuan analisis tahap ciri keusahawanan pengkaji telah mengkategorikan skala likert lima poin. Jadual 2 memaparkan skala interpretasi min bagi lima skala adalah berpandukan daripada sumber penilaian skor min yang diguna pakai oleh Jamil (2002).

Jadual 2: Jadual Interpretasi Skor Min

Selang Skala Min	Interpretasi Tahap
1.00-2.33	Rendah
2.33-3.66	Sederhana
3.67-5.00	Tinggi

Demografi Responden

Jadual 3 memaparkan maklumat berkaitan demografi responden. Ia menunjukkan bahawa majoriti responden yang terlibat adalah pelajar perempuan iaitu seramai 46 orang (46.0%) sementara pelajar lelaki pula seramai 54 orang (54.0). Daripada jumlah tersebut, seramai 23 orang (23.0%) adalah berlatarbelakangkan keluarga usahawan dan selebihnya bukan berlatarbelakangkan usahawan 77 orang (77.0%). Taburan responden kajian yang memiliki pengalaman mengikuti aktiviti atau program keusahawanan adalah seramai 74 orang (74.0%) dan yang tidak memiliki pengalaman mengikuti program atau aktiviti keusahawanan adalah

seramai 26 orang (26.0%). Taburan responden mengikut aliran pengajian pula menunjukkan bilangan pelajar aliran sains adalah seramai 36 orang (36.0%) manakala seramai 64 orang (64.0%) adalah mengikuti bidang pengajian sastera.

Jadual 3: Demografi Responden

Profil Demografi	Kategori	Kekerapan	Peratus
Jantina	Lelaki	46	46.0
	Perempuan	54	54.0
Latar Belakang Keluarga	Usahawan	23	23.0
	Bukan Usahawan	77	77.0
Pernah Menyertai Aktiviti/Program Keusahawanan	Ya	74	74.0
	Tidak	26	26.0
Aliran pengajian	Sains	36	36.0
	Sastera	64	64.0

Dapatan Kajian

Objektif Kajian 1: Mengkaji tahap ciri keusahawanan dalam kalangan pelajar Bidayuh. Jadual 4 memaparkan maklumat berkaitan tahap ciri keusahawanan pelajar Bidayuh. Data menunjukkan nilai min adalah 3.64, bermakna min berada pada tahap sederhana tinggi. Maklumat perinci mengenai analisis per item yang membawa kepada tahap tersebut juga boleh dirujuk pada setiap item dalam jadual. Sebagai contoh, peratus tertinggi bagi Setuju untuk item ciri keusahawanan pelajar Bidayuh adalah item B1 (41%), diikuti dengan item B5 (39%). Manakala, bagi pernyataan tidak setuju pelajar Bidayuh yang tertinggi adalah item B4 (50%).

Jadual 4: Rumusan ciri keusahawanan

Item soalan	Ciri Keusahawanan	TS	KS	S
		n (%)	n (%)	n (%)
B1	Saya seorang yang kreatif	27 (27.0)	32 (32.0)	41 (41.0)
B2	Saya seorang yang inovasi	37 (37.0)	25 (25.0)	38 (38.0)
B3	Saya memiliki daya saing yang tinggi dalam perniagaan	34 (34.0)	42 (42.0)	22 (22.0)
B4	Saya seorang yang berani mengambil risiko	50 (50.0)	25 (25.0)	25 (25.0)
B5	Saya seorang yang suka merebut peluang dalam perniagaan	26 (26.0)	35 (35.0)	39 (39.0)
Keseluruhan n=100 min=3.64 Tahap sederhana tinggi				

Objektif Kajian 2: Mengkaji tahap tekad keusahawanan dalam kalangan pelajar Bidayuh

Tahap tekad keusahawanan pelajar Bidayuh menunjukkan nilai min 3.71 iaitu berada pada tahap tinggi. Analisis per item menunjukkan, peratus tertinggi bagi Setuju bagi tahap tekad keusahawanan pelajar Bidayuh adalah item C5 (59%) iaitu “*Suka mengambil bahagian dalam aktiviti keusahawanan kerana saya dapat belajar dengan usahawan yang berjaya*”. Pernyataan kedua tertinggi adalah item C4 (35%) iaitu “*Suka melawat tapak peniagaan kerana saya boleh mendapat idea memulakan perniagaan*”. Manakala, bagi pernyataan tidak setuju pelajar Bidayuh yang tertinggi adalah item C1 (46%), “*Saya suka bergaul dengan usahawan yang berjaya*”. Jadual 5 menunjukkan perincian item bagi kesemua pernyataan untuk tekad keusahawanan dalam kalangan pelajar Bidayuh.

Jadual 5: Rumusan tekad keusahawanan

Item soalan	Tekad keusahawanan	TS	KS	S
		N (%)	n (%)	n (%)
C1	Suka bergaul dengan dengan usahawan yang berjaya	46 (46.0)	23 (23.0)	31 (31.0)
C2	Suka menyertai program sosial kerana saya boleh berjumpa dengan ramai orang	23 (23.0)	40 (40.0)	37 (37.0)
C3	Suka bertemu ramai orang terutama sekali orang yang terlibat dalam bidang keusahawanan	21 (21.0)	57 (57.0)	22 (22.0)
C4	Suka melawat tapak peniagaan kerana saya boleh mendapat idea memulakan perniagaan	23 (23.0)	42 (42.0)	35 (35.0)
C5	Suka mengambil bahagian dalam aktiviti keusahawanan kerana saya dapat belajar dengan usahawan yang berjaya	27 (27.0)	32 (32.0)	59 (59.0)
C6	Saya pasti menjadi seorang usahawan yang berjaya	23 (23.0)	47 (47.0)	30 (30.0)
Keseluruhan n=100 min=3.71 Tahap Tinggi				

Objektif kajian 3: Mengenal pasti perbezaan signifikan antara ciri-ciri keusahawanan pelajar Bidayuh berdasarkan profil demografi (Jantina)

Dapatan analisis ujian t menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara ciri keusahawanan pelajar Bidayuh dengan mengikut kategori jantina kerana nilai signifikan adalah 0.43 lebih besar daripada signifikan $p < 0.05$. Keputusan ini menunjukkan bahawa

hipotesis nul gagal ditolak. Ini bermakna tidak terdapat perbezaan antara ciri keusahawanan pelajar dengan mengikut kategori Jantina berdasarkan skor min bagi pelajar lelaki (min=3.79) lebih tinggi daripada pelajar perempuan (min=3.54) Dapatan dipamerkan dalam Jadual 6.0 di bawah;

Jadual 6.0 Keputusan ujian t perbezaan antara ciri keusahawanan

	Jantina	N	Min	s.p	Nilai t	Sig.p
Ciri Keusahawanan	Lelaki	46	3.79	0.94	1.05	0.43
	Perempuan	54	3.54	0.95	0.95	

*Signifikan pada aras $p < 0.05$

Perbincangan

Secara keseluruhannya, kajian terhadap ciri keusahawanan pelajar Bidayuh berada pada tahap sederhana tinggi. Hasil dapatan kajian ini selari dengan kajian yang dijalankan Marina (2017) iaitu berkaitan ciri keusahawanan. Tujuan kajiannya adalah untuk mengukur jika wujudnya perbezaan antara pelajar yang telah menyertai aktiviti keusahawanan dengan pelajar yang tidak terlibat dengan aktiviti keusahawanan terhadap pembentukan ciri keusahawanan. Dapatannya menunjukkan tahap positif bagi pelajar yang mempunyai ciri keusahawanan terhadap aktiviti keusahawanan. Hal ini membuktikan bahawa pelajar yang memiliki ciri keusahawanan akan lebih memilih bidang keusahawanan sebagai kerjaya. Kajian Shinn (2011) membuktikan dapatan adalah selari di mana ciri keusahawanan yang dimiliki pelajar dengan baik mempunyai perkaitan dengan sikap positif terhadap pemilihan kerjaya bidang keusahawanan. Individu yang mempunyai ciri keusahawanan dengan baik kebiasaannya akan memilih keusahawanan sebagai kerjaya.

Hasil kajian mendapati bahawa tahap tekad keusahawanan pelajar berada pada tahap tinggi, Dapatan kajian sama dengan kajian yang dijalankan oleh Salmah (2009). Rata-rata dapatan ini menunjukkan bahawa tekad keusahawanan pelajar di Malaysia adalah sama tanpa mengira etnik seseorang. Kajian Norasmah (2016) dan Mazura, (2011) juga melaporkan perkara yang serupa. Ini bermakna peluang pelajar etnik Bidayuh untuk cemerlang dalam bidang keusahawanan adalah positif Cuma perlu perhatian serius terhadap semua aktiviti atau program keusahawanan yang ditawarkan pada mereka. Pihak yang berkaitan dengan pembinaan modul atau aktiviti keushawanan perlu membina modul yang beracuan mereka agar keberkesanan program dapat diperolehi.

Rujukan

- AGER. (2015). *Defining the Entrepreneurial Spirit*. Nuremberg: Global Entrepreneurship Report.
- Allen, K.R. 2012. *New Venture Creation*. Ed. ke-6. Canada: Nelson Education.
- Ab Aziz Yusof. (2009). *Pendidikan Keusahawanan dalam Konteks Pembangunan Negara*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahi Sarok, (2002). Isu semasa dan persepsi belia terhadap politik dalam Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Negeri Sarawak 2011. *Malaysia Journal of Society and Space* 8 issue 8 (138 – 148)
- Bird, B. & Jellinek, M. (1988). The Operation of Entrepreneurial Intention. *Entrepreneurship Theory and Practice*, 13(2), 21-29.
- Chua, Yan Piaw. 2006. *Kaedah Penyelidikan*. Malaysia: McGraw-Hill Education.

- Diaz-Casero, J. C., Ferreira, J. J. M., Mogollon, R. H. & Raposo, M. L. B. 2012. Influence of institutional environment on entrepreneurial intention: a comparative study of two countries university students. *International Entrepreneurship and Management Journal* 8(1): 55-74.
- Fini, R., Grimaldi, R., Marzocchi, G. L., & Sobrero, M. 2009. The foundation of entrepreneurial intention. *In Summer Conference*, hlm. 17-19.
- Heflin Frinces. 2004. *Kewirausahaan dan inovasi bisnis*. Yogyakarta: Darussalam
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2001. *Buku Tahunan Perangkaan Malaysia, 2000*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Berhad
- Jamil Ahmad. (2002). Pemupukan budaya penyelidikan dikalangan guru disekolah: satu penilaian. Tesis Ijazah kedoktoran, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Khadijah Walad, 2014. Kepimpinan pengetua dan motivasi guru: Satu kajian di sekolah menengah. Tesis Sarjana Pendidikan. Pusat Ilmu Pengajian Pendidikan, Universiti Sains Malaysia.
- Kuratko, D.F., and Hodgetts, R.M. (2001): *Entrepreneurship: Theory, Process, Practice (6th ed.)*, United States: South-Western.
- Krejcie, R. V. & Morgan, D. W. 1970. Determining sample size for research activities. *Educ Psychol Meas.*
- Linan, F. & Rodriguez, J.C. 2004. Entrepreneurial attitudes of andalusian university students. 44th ERSAs Conference. Porto (Portugal), 21 – 25 Ogos.
- Liana Chua. 2012. The Christianity of Culture: Conversion, Ethnic Citizenship, and the Matter of Religion in Malaysian Borneo. Palgrave Macmillan
- Marina Mustapa Al Bakri, Mohammad Suwardi Mohd. Yusof Noor Azman Abdullah, Lingaswaran a/l Arjunan (2017). Pengaruh pengalaman keusahawanan terhadap kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar jurusan perakaunan kolej matrikulasi perak. *Jurnal penyelidikan dedikasi* jilid 13. Malaysia. 2015. *Rancangan Malaysia Kesebelas 2016-2020*.
- Meng, H. X. & Ji, X.J. 2012. *The Development of Entrepreneurship Spirits and The Innovation of Enterprises*. Beijing: China Economic Publishing House.
- Mohd Zailani Ibrahim, Ramlah Hamzah, Mohd Ibrahim Nazri, 2013. Tekad Keusahawanan Tani Dalam Kalangan Belia Pelajar Pertanian Sekolah Menengah. *Malaysian Journal of Youth Studies* 9 :39-53
- Mazura Mansor & Norasmah Othman. 2011. Consulting-based entrepreneurship education in Malaysian higher education institutions. *International Conference on Social Science and Humanity* 5: 163–167
- Mohd Izham Mohd Hamzah, Faridah Juraimi, Aida Hanim A. Hamid, Norazah Nordin dan Noraini Attan. 2010. Technology leadership and its relationship with school-Malaysia Standard of education quality (School-MSEQ). *International Education Studies*, 7(13): 278-285.
- Mohd Fauzi Mohd Jani, Takeru Ohe, Siohong Tih, Zaimah Darawi, Ahmad Azmi Mohd Ariffin, Rozita Amiruddin Mohd Radzuan Rahid & Ahmad Rafli Che Omar. 2010. *Entrepreneurship Education & Small and Medium Enterprises Development*. Bangi: CESMED UKM.
- McMullen, J. S., Plummer, L. A. & Acs, Z. J. 2007. What is a entrepreneurial opportunity? *Small Business Economics* 28(4):273-28
- Mohd Salled Din., Hoe, C.H., Norashidah Hashim., Ooi, Y.K., Shuhymee Ahmad., Habal Burhan., Norita Derahman., Nosli Muhammad., Armanurah, Muhammmad., Lily., J. Adan Mohammed Noor Mohd Hasyim. 2005. *Asas keusahawanan*. Kuala Lumpur: Thompson Learning.

- Norasmah Othman dan Norfadhilah Nasrudin. 2016. Entrepreneurship education programs in Malaysia polytechnics. *Journal of Education and Training* 58(7/8): 882-898.
- Nor Aishah Buang. 2013. *Pendidikan Keusahawanan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norasmah Othman & Salmah Ishak. 2009. Attitude towards choosing a career in entrepreneurship amongst graduates. *European Journal of Social Sciences* 10(3): 419-434
- Nor Aishah Buang. 2006. *Kajian keperluan pendidikan keusahawanan secara formal dalam kalangan pelajar Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina dan Fakulti Pendidikan*. UKM: Sektor pengkajian keusahawanan di IPTA.
- Parker, S. C. 2009. *The Economics of Entrepreneurship*. New York: Cambridge University Press.
- Sekaran, U. & Bogie, R. 2010. *Research Method for Business A Skill Building Approach (5th Edition)*. United Kingdom: John Wiley & Sons Ltd.
- Salmah Ishak. 2009. Hubungan sikap, kecenderungan personaliti dan tahap keinginan peserta Skim Usahawan Siswazah terhadap Tingkah Laku Pemilihan Kerjaya Keusahawanan. Universiti Kebangsaan Malaysia: Tesis Doktor Falsafah.
- Shinn, S. 2011. Profit and purpose - today's student entrepreneurs want it to do it all: make a profit and make a difference. *BizEd* (May/June): 24-31.
- Timmons, J.A. & Spinelli, S. 2009. *New Venture Creation: Entrepreneurship for the 21st Century*. Ed. ke-8. New York: McGraw Hill.
- Thompson, S. (2012), 'Anger and the struggle for justice', in S. Clarke, P. Hoggett and S. Unit Perancang Ekonomi. 2013. *Wawasan 2020: 1991-2020*.
- Vasanthadevi A/P Alagappan, (2016). Kesiediaan guru dalam membudayakan minda keusahawanan dalam pengajaran dan pembelajaran di kalangan murid sekolah menengah. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia: Tesis Sarjana
- Wilson M, Ann H (2011) Cooperatives and community development: a perspective on the use of cooperatives in development. *J. Community Practice* 19, 48-61.
- Zhang, W.S., Qiu, X. D. & Chen, Y. D. 2011. *Entrepreneurship*. Beijing: China Machine Press.
- Zimmerer & Scarborough. 2005. *Pengantar kewirausahaan dan manajemen bnsnis kecil*. (Terj.). Edisi Ke-4. Jakarta: PT Indeks.
- Zimmerer, Scarborough & Wilson. 2008. *Essentials of entrepreneurship and small business management: Kewirausahaan dan manajemen usaha kecil*. (Terj.) Edisi Ke-5. Jakarta: PT Salemba Empat.